

**SOALAN NO: 231**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO  
[ALOR SETAR]  
TARIKH :  
SOALAN : 231**

**YB TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ALOR SETAR]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang di ambil untuk menangani kekurangan katil hospital yang teruk di Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar di mana ramai pesakit menghadapi masalah diterima masuk atau perlu di pindahkan ke Hospital Lama Alor Setar untuk rawatan.

**Tuan Yang di-Pertua ,**

Pelbagai tindakan bagi mengatasi masalah kekurangan katil dan kesesakan pesakit di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) ini telah dijalankan seperti:

- i. Menambahkan bilangan katil di wad HSB dan pengoperasian katil di Hospital lama Alor Star. Jumlah katil yang tersedia adalah

sebanyak 1,084 katil termasuk 161 katil beroperasi di Hospital Lama Alor Star. Perkhidmatan di Hospital Lama Alor Star dikendalikan oleh Pakar, Pegawai Perubatan serta anggota-Anggota dari HSB.

- ii. Pelaksanaan inisiatif *Lean Healthcare* di Jabatan Kecemasan dan Wad Perubatan untuk menambahbaik proses pengurusan pesakit di zon hijau di Jabatan Kecemasan dan Wad Perubatan. Kadar menunggu katil bagi kes-kes perubatan di Jabatan Kecemasan telah menurun daripada 24% (2015) kepada 11%(2016).
- iii. Melaksanakan konsep Hospital Kluster dengan Hospital Jitra dan Hospital Kuala Nerang bagi mengurangkan kesesakan di HSB dan meningkatkan utilisasi Hospital Jitra dan Hospital Kuala Nerang.
- iv. Memperkukuhkan perkhidmatan rawatan harian (*day care*) di HSB Sebanyak RM 30 juta telah diluluskan untuk menaik taraf blok E Hospital Lama Alor Setar untuk kegunaan pusat rawatan harian ini. Projek ini akan memulakan kerja-kerja naik taraf pada bulan November 2017.

**NO. SOALAN: 232**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10105**

**SOALAN :**

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan pekerja asing yang sah dikeluarkan Pas Penggajian, Pas Lawatan Ikhtisas dan Pas Lawatan Kerja Sementara dengan pecahan negeri mengikut kewarganegaraan pekerja asing dan sektor pekerjaan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berdasarkan rekod di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sehingga 30 Jun 2017, seramai 1,781,598 orang pekerja asing telah dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang membolehkan mereka bekerja secara sah di Malaysia.**

**Pecahan mengikut warganegara adalah seperti berikut:**

<b>i.</b>	<b>Indonesia</b>	<b>-</b>	<b>728,870 orang</b>
<b>ii.</b>	<b>Nepal</b>	<b>-</b>	<b>405,898 orang</b>
<b>iii.</b>	<b>Bangladesh</b>	<b>-</b>	<b>221,089 orang</b>
<b>iv.</b>	<b>Myanmar</b>	<b>-</b>	<b>127,705 orang</b>
<b>v.</b>	<b>India</b>	<b>-</b>	<b>114,455 orang</b>
<b>vi.</b>	<b>Pakistan</b>	<b>-</b>	<b>59,281 orang</b>
<b>vii.</b>	<b>Filipina</b>	<b>-</b>	<b>56,153 orang</b>
<b>viii.</b>	<b>Vietnam</b>	<b>-</b>	<b>29,039 orang</b>
<b>ix.</b>	<b>China</b>	<b>-</b>	<b>15,399 orang</b>
<b>x.</b>	<b>Thailand</b>	<b>-</b>	<b>12,603 orang</b>
<b>xi.</b>	<b>Sri Lanka</b>	<b>-</b>	<b>5,964 orang</b>
<b>xii.</b>	<b>Kemboja</b>	<b>-</b>	<b>5,103 orang</b>
<b>xiii.</b>	<b>Laos</b>	<b>-</b>	<b>39 orang</b>

**Manakala pecahan mengikut sektor pekerjaan pula adalah seperti berikut:**

i.	<b>Perkilangan</b>	-	<b>636,593 orang</b>
ii.	<b>Pembinaan</b>	-	<b>350,740 orang</b>
iii.	<b>Perladangan</b>	-	<b>261,530 orang</b>
iv.	<b>Perkhidmatan</b>	-	<b>242,536 orang</b>
v.	<b>Pertanian</b>	-	<b>161,003 orang</b>
vi.	<b>Pembantu rumah</b>	-	<b>129,196 orang</b>